

# Ubah stesen bas uzur jadi pusat serba guna jana ekonomi

**Prof Madya Dr  
Mohammad  
Ashraf Abdul  
Rahman**

Fakulti Teknologi  
Kejuruteraan,  
Universiti Tun  
Hussein Onn  
Malaysia (UTHM)

**Stesen** bas suatu ketika dahulu menjadi nadi utama pengangkutan awam dan pusat pertemuan orang ramai, kini semakin terpinggir akibat perubahan corak penggunaan pengangkutan.

Peningkatan penggunaan kenderaan persendirian dan pengangkutan moden seperti e-panggilan mengurangkan pengguna stesen bas secara drastik.

Akibatnya, stesen bas yang dahulunya meriah dengan pelbagai aktiviti, kini terbiasa sepi dan tidak lagi memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari masyarakat.

Penurunan jumlah pengguna di stesen bas memberikan kesan ekonomi besar kepada pengusaha kecil yang bergantung aliran pelanggan harian untuk kelangsungan perniagaan mereka.

Perniagaan seperti kedai makan, gerai runcit dan perkhidmatan harian mengalami kerugian besar apabila pelanggan berkurangan. Baru-baru ini, terdapat banyak keluhan peniaga kecil mengadu perniagaan mereka terjejas teruk akibat kekurangan pelanggan, memaksa ramai menutup perniagaan selepas sekian lama beroperasi di stesen bas.

Di beberapa daerah dan bandar kecil, terdapat stesen bas uzur dan terbiasa seperti tidak diuruskan dengan baik. Ini termasuk keadaan tandas diaf, tempat menunggu tidak selesa dan serta bau busuk.

Kedua-dua ini turut menyumbang kepada kerosotan infrastruktur kerana tanpa penyelenggaraan mencukupi, kemudahan di stesen bas akan semakin usang dan kurang menarik.

Bagi memulihkan stesen bas, langkah menaik taraf dan memberi nafas baharu perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Menaik taraf infrastruktur adalah langkah pertama perlu dilakukan.

Ini termasuk menambah baik kemudahan asas seperti tandas bersih, tempat menunggu berhawa dingin dan selesa serta laluan lebih baik untuk

pengguna bas. Stesen bas juga boleh dimodenkan melalui kepelbagaian fungsi relevan dengan keperluan masyarakat hari ini.

Sebagai contoh, penambahan perkhidmatan seperti pusat penghantaran, kedai serbaneka atau kedai konsep boleh menjadikan stesen bas sebagai pusat serba guna memenuhi pelbagai keperluan harian.

Melalui penambahbaikan ini, orang ramai boleh datang ke stesen bas bukan hanya untuk

menaiki bas atau teksi, tetapi menjalankan urusan harian seperti menghantar bungkus atau membeli barang keperluan.

## Jadikan tempat promosi makanan daerah

Salah satu strategi inovatif lain ialah menjadikan stesen bas sebagai destinasi makanan tempatan dalam mempromosikan makanan daerah terkenal. Mewujudkan stesen bas sebagai hab kulinari akan menarik pemburu makanan dari pelbagai tempat, sekali gus memulihkan aliran pengunjung dan menghidupkan semula perniagaan di situ.

Selain makanan, fesyen juga boleh dijadikan tarikan kepada golongan muda. Menyediakan premis fesyen berjenama menampilkan pakaian terkini, tudung, aksesori dan kasut akan menjadikan stesen bas sebagai hab fesyen.

Bagi memastikan kejayaan langkah ini, aspek keselamatan perlu dipertingkatkan. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi strategik, kawalan keselamatan lebih ketat serta lampu jalan mencukupi adalah penting untuk menjamin keselamatan pengunjung dan peniaga.

Segala usaha ini bukan sahaja akan memulihkan peranan stesen bas dalam sistem pengangkutan awam, tetapi menyumbang kepada pemulihran ekonomi setempat dan memperbaiki kualiti hidup masyarakat.

**‘Sebagai contoh,  
penambahan perkhidmatan  
seperti pusat  
penghantaran, kedai  
serbaneka atau kedai  
konsep boleh menjadikan  
stesen bas sebagai pusat  
serba guna memenuhi  
pelbagai keperluan  
harian’**

